

22/02/2000

Nik Aziz cabar pemimpin Umno bermuzakarah

SETIU, Isnin - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mencabar secara terbuka Presiden, Timbalan dan Setiausaha Agung Umno untuk bermuzakarah mengenai Islam dengan pemimpin Pas pusat.

Katanya, Pas akan mengemukakan Presidennya, Datuk Fadzil Noor, Abdul Hadi Awang (Timbalan) dan Nasharuddin Mat Isa (Setiausaha) bermuzakarah dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Ketika berceramah di Seri Langkap di sini, malam tadi beliau berkata, dalam muzakarah itu al-Quran dan hadis perlu diletakkan di tengah sebagai bahan rujukan bagi menyelesaikan pelbagai masalah mengenai Islam.

"Pas dan Umno tidak perlu berdebat mengenai perkara itu kerana Islam menggalak kita bermuzakarah bagi menyelesaikan sesuatu perkara yang berbangkit," katanya.

(END)